

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IV)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan perkhidmatan bas percuma (CAT) dari
- (a) Sg. Dua ke Queensbay Mall
  - (b) Bukit Jambul ke Weld Quay.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Ya, Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan CAT bagi laluan Sungai Dua ke *Queensbay Mall* yang dikenali sebagai CAT Sungai Dua. CAT Sungai Dua merupakan salah satu daripada 12 laluan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bermula dari 1 April 2018 yang lalu. Perkhidmatan bas percuma CAT Sungai Dua memperuntukan sebanyak lima (5) buah bas dengan frekuensi selang masa di antara 20 hingga 30 minit bergantung kepada keadaan trafik semasa. Waktu bas beroperasi adalah dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam pada setiap hari. Dengan berkonsepkan satu kitaran (*loop concept*) perkhidmatan CAT Sungai Dua menghubungkan lokasi-lokasi utama seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Sungai Nibong, Bukit Jambul dan *Queensbay Mall*. Sehubungan itu, perkhidmatan bas percuma CAT Sungai Dua ini diharap dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam untuk kegiatan harian dan seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Sungai

Dua terutamanya pada waktu puncak.

- (b) Sebagai permulaan Kerajaan Negeri telah memutuskan hanya 12 laluan yang merangkumi 6 laluan di bahagian pulau dan 6 laluan di Seberang Perai akan dilaksanakan terlebih dahulu. Tiada perancangan dalam masa terdekat untuk menyediakan perkhidmatan ini bagi laluan Bukit Jambul ke *Weld Quay*. Walau bagaimanapun, penumpang di Bukit Jambul yang ingin pergi ke *Weld Quay* boleh menaiki bas percuma CAT Sungai Dua ke *Queensbay Mall* dan membuat pertukaran bas *Rapid Penang 401E* untuk ke *Weld Quay*.